

2.3.3 Persidangan Kanak-kanak UNEP TUNZA berkenaan Alam Sekitar di Stavanger, Norway

Sembilan ahli kanak-kanak berumur dari 12-14 telah mewakili Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA) Malaysia ke Persidangan Kanak-kanak UNEP TUNZA berkenaan Alam Sekitar di Stavanger, Norway. Bertemakan: "Creating Change", persidangan ini dianjurkan oleh UNEP dan Young Agenda 21 of Norway, dengan disokong oleh Kementerian Perhubungan Antarabangsa Norway dan Kementerian Alam Sekitar Norway.

Peserta-peserta pilihan dari setiap negara mempersembahkan projek alam sekitar masing-masing dan di ruang pameran. YAWA pula telah mempamerkan aktiviti YAWA dan juga yang paling penting menyebarkan Kempen Penanaman Pokok Kebangsaan "Trees For Life" oleh Jabatan Landskap Negara. Dalam pameran tersebut, bahan-bahan promosi seperti poster, buku, CD promosi kempen penanaman pokok di Malaysia diedarkan secara percuma. Peserta-peserta dari YAWA juga berpeluang berkongsi pengalaman Malaysia dengan menwar-warkan hasrat kerajaan Malaysia untuk menanam 20 juta pokok menjelang 2020. Mereka turut memaklumkan tentang pencapaian terkini Malaysia yang telah mencecah 12 juta pokok semenjak kempen penanaman pokok dilancarkan pada tahun 1996.



2.3.4 Kem YAWA TOYOTA di Sungai Congkak, Selangor pada 9 -11 Jun 2008

Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA) dengan kerjasama TOYOTA dan Jabatan Landskap Negara (JLN) telah mengadakan aktiviti "TOYOTA Eco-Challenge" di Sg Congkak.

Aktiviti ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang spesis pokok dan kaedah penanaman serta penjagaannya.

Melalui aktiviti ini, fasilitator dari Jabatan Landskap Negara, Encik Mansor telah memberi ceramah kepada peserta yang terdiri daripada kanak-kanak YAWA bertemakan "All About Trees and After Care". Pada penghujung program, peserta-peserta tersebut juga menanam pokok di sekitar kawasan tersebut.



2.3.5 Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Putrajaya pada 5 Julai 2008

Kempen penanaman pokok ini diadakan di Putrajaya bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2008. Sambutan ini dianjurkan oleh Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA) dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Perbadanan Putrajaya.



2.3.6 Program Penanaman Pokok Teduhan & Bunga Raya Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Lumpur, Kuantan, Pahang pada 14 Jun 2008

Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama Malaysia Nature Society (MNS) dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Lumpur telah mengadakan Kempen Penanaman Pokok di Tanjong Lumpur, Kuantan, Pahang. Tujuan program ini adalah untuk memupuk kesedaran alam sekitar di kalangan pelajar sekolah.



2.3.7 Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Habitat di PPR Beringin, Jinjang pada 15 November 2008

Majlis ini telah di rasmikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.B. Dato' Hamzah b. Zainuddin. Sebanyak 18 pokok teduhan telah ditanam di sekitar kawasan PPR Beringin, Jinjang.



2.3.8 Pameran dan Ceramah "Pokok Untuk Kehidupan"

Pameran ini berlangsung pada 18 Feb hingga 17 Mac 2008 di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.

Pameran ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh pelbagai lapisan masyarakat terutamanya pelajar-pelajar sekolah sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Empat siri ceramah telah diadakan sepanjang berlangsungnya pameran 'Trees for Life', seperti berikut :

☛ 18 Februari 2008 Perubahan Cuaca Dunia dan kaitanya dengan amalan Pembangunan Oleh : Pn. Khadijah bt. Abdul Rahman (YAWA)

☛ 25 Februari 2008 Pengurusan Alam Sekitar-Bermulanya Daripada Anda Oleh : Pn. Khadijah bt. Abdul Rahman (YAWA)

☛ 6 Mac 2008 Peranan Masyarakat Dalam Memelihara Alam Sekitar Oleh : En. Karam Singh Walia (Wartawan TV3)

☛ 17 Mac 2008 Kepentingan Pokok Dari Segi Nilai Ekonomi Oleh : Prof. Dr. Mohd. Shahwahid bin. Hj. Othman (UPM)



2.3.9 Pameran dan Ceramah “Pokok Untuk Kehidupan” di Johor Bahru Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Johor (JOTIC) 4-31 Julai 2008

Pameran tersebut telah diadakan di Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Johor (JOTIC), Johor Bahru selama 28 hari di mana aspek-aspek kepentingan pokok kepada manusia dari segi sumbangan kepada alam sekitar, ekonomi, sosiologi dan sebagainya dipertontonkan secara interaktif.

Bersempena dengan pameran tersebut, beberapa ceramah berkenaan alam sekitar dan kepentingan pokok telah diadakan. Peserta-peserta ceramah adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah sekitar Johor Bahru.




2.3.10 Laman Web 'Trees for Life'

Laman Web ini telah dilancarkan pada 18 Feb 2008 sempena dengan pelancaran Pameran dan Ceramah Pokok untuk Kehidupan di Pusat Sains Negara.

Dengan adanya laman web ini orang ramai dapat mengikuti perkembangan terkini Program Kempen Tanam Pokok Kebangsaan.

Laman web ini memuatkan maklumat kempen, pencapaian sasaran, kalendar aktiviti, maklumat program pokok untuk kehidupan dan info mengenai pokok dan bunga raya.



2.4 Dasar dan Akta landskap


Jabatan Landskap Negara akan menyediakan Akta Pembangunan Landskap dan Dasar Landskap Negara. Penyediaan Akta dan Dasar ini akan dapat mempermudah kerajaan mengawalselia keperluan pembangunan landskap, memastikan keberkesanan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap, mengelakkan kemusnahan sumber landskap dan seterusnya dapat memandu kerajaan merealisasikan wawasan Negara Taman Terindah menjelang 2020.

2.5 Pembangunan Persekitaran Kehidupan

Bertujuan untuk meningkatkan persekitaran kehidupan dan memenuhi keperluan sosial masyarakat Malaysia, Jabatan Landskap Negara membangunkan projek persekitaran kehidupan terutamanya di kawasan perumahan berkepadatan tinggi yang tidak mempunyai kemudahan dan ruang rekreasi yang mencukupi. Projek ini mengutamakan keberkesanan pembangunan kawasan hijau sebagai ruang rekreasi dan ruang interaktif dalam sosial.

Sepanjang tahun 2008 sebanyak 12 projek teknikal telah dilaksanakan iaitu 5 projek di kawasan Projek Perumahan rakyat (PPR), 5 [projek di institusi kesihatan dan 2 projek di kawasan Balai Bomba dan Penyelamat. Bagi tahun 2008 peruntukan kewangan adalah sebanyak RM 1,800,000.00 dan sebanyak RM 1,716,289.20 telah dibelanjakan

Perbelanjaan Tahun 2008





Program Pembangunan Persekitaran Kehidupan di Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang.

Rekabentuk landskap bagi Hospital Balik Pulau Ini menekankan ciri-ciri persekitaran yang merangsang daya penyembuhan pesakit disamping menyediakan ruang-ruang luaran yang berfungsi sepenuhnya untuk semua golongan pengguna.




Program Pembangunan Persekitaran Kehidupan di Hospital Tunku Fauziah, Kangar, Perlis.

Matlamat rekabentuk landskap adalah mewujudkan suasana persekitaran hospital yang mesra pengguna serta mempertingkatkan fungsi ruang luar yang optimum bagi kemudahan aksesibiliti dan rekreasi pasif untuk pesakit, kakitangan dan pelawat.



Sebelum



Selepas

Pembangunan Landskap bagi Program Pembangunan Persekitaran kehidupan di Kawasan Kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang.

Bunga Raya Semarak Negara

BUNGA RAYA BUNGA KEBANGSAAN MALAYSIA

Bunga raya yang bersemangat merah-putih diabadikan sebagai Bunga Kebangsaan pada 23 Jun 1963 oleh Perhimpunan Melayu ketika itu. 1731 Abadiah Tunjukkan Kebangsaan Pangsa King.



KEPERluan BUNGA RAYA BUNGA KEBANGSAAN

Menjadi simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era.

KEPERluan BUNGA RAYA BUNGA KEBANGSAAN

Bunga Raya adalah simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era.

POKOK BUNGA RAYA BUNGA KEBANGSAAN

Bunga Raya adalah simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era.

Kembang Indah Bunga Raya, Mekar Di Jiwa Bangsa Malaysia.

Bunga Raya Semarak Negara



Menjadi simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era.

Bunga-Bunga MALAYSIA



Menjadi simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era.

Pokok-pokok Berbangsa di Malaysia



Menjadi simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era.

Pokok-pokok Kehidupan

Menjadi simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era. Ia, dan merupakan simbol kebangsaan yang ada di semua era.

www.treesforlife.gov.my
tel: 03-40470000



*Promosi &
Pembangunan Industri*



3.0 Program Promosi & Pembangunan Industri merangkumi program berikut:

3.1 Promosi Landskap

Program promosi dilaksanakan oleh Jabatan Landskap Negara bagi meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran serta kesedaran awam mengenai kepentingan landskap. Program promosi ini adalah selaras dengan wawasan kerajaan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap budaya menghargai persekitaran yang sihat dan indah. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2008 ialah;

3.1.1 Hari Landskap Negara 2008

Kerajaan telah mengisytiharkan 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Landskap Negara. Ianya bersempena dengan tarikh pelancaran Kempen menanam pokok seluruh Negara pada 3 Mac 1997. Tujuan utama Hari Landskap Negara diadakan ialah untuk mempertingkatkan kesedaran serta komitmen masyarakat terhadap keperluan landskap yang berkualiti.

Pada tahun 2008 sambutan Hari Landskap Negara telah diadakan di Melaka Sentral, Melaka dan dirasmikan oleh Y.A.Bhg. Datin Seri Jeanne Abdullah, isteri Perdana Menteri Malaysia.

Antara aktiviti yang dijalankan seperti berikut:

- ✿ Penanaman 1000 batang pokok teduhan sepanjang pesisiran Sungai Melaka.
- ✿ Pameran (JLN/ agensi / Ngo)
- ✿ Jualan Industri Landskap
- ✿ Persembahan Kebudayaan
- ✿ Acara untuk Kanak-Kanak
- ✿ Penyampaian hadiah Program Landskap dengan kerjasama RTM
- ✿ Klinik Landskap



3.1.2 Program Brigade Landskap

Pihak Jabatan telah menganjurkan satu Program Landskap : Pengindahan Sekolah dan perintisnya ialah SMK Datuk Hj. Ahmad Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar dan guru berkenaan peranan dan tanggungjawab memelihara persekitaran sekolah. Sekolah yang terlibat juga akan menjadi contoh kepada sekolah yang lain. Pihak Jabatan telah menyalurkan peruntukan dan khidmat landskap bagi menjayakan program ini. Program ini akan dirasmikan oleh Y.A.Bhg. Datin Seri Jeanne Abdullah, isteri Perdana Menteri Malaysia pada 28 Mac 2009



3.2 Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia (LAMAN2008)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Februari 2003 telah bersetuju untuk mengadakan Festival Antarabangsa Landskap dan Taman Malaysia (LAMAN) setiap 2 tahun sekali.

Festival LAMAN2008 telah berlangsung pada 19-27 Julai 2008 di Taman Tasik Perdana Kuala Lumpur. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi dan tema pada tahun ini ialah '*Irama Alam*'.

Pada LAMAN2008 juga terdapat sebuah taman 'Edible Garden' yang inspirasikan oleh Y.A.Bhg. Datin Seri Jeanne Abdullah, isteri Perdana Menteri Malaysia.

Antara Komponen Pameran LAMAN2008 ialah:

- World of Garden
- Garden Expo
- Festival Walk
- Floral Enclave
- Environmental Art




LAMAN2008 mempertontonkan segala aspek industri landskap dan hortikultur dalam dan luar negara.

Pertunjukan taman-taman, peralatan komersial pertanian, Jualan pokok-pokok bunga, perhiasan taman dan produk landskap sehinggalah ke bunga-bunga keratan dan gubahan kreatif bunga-bunga.

LAMAN juga merupakan tempat pertemuan para pengusaha dan pereka taman dan bunga-bunga dalam meluaskan peluang perniagaan dan pasaran.

LAMAN2008 turut diserikan dengan aktiviti-aktiviti seperti :

- ✿ Pelbagai jenis pertandingan
- ✿ Ceramah
- ✿ Demonstrasi Gubahan Bunga Segar
- ✿ Seminar
- ✿ Persembahan hiburan dan kebudayaan



3.3 Pembangunan Industri Landskap

Memantau, mengumpul dan menganalisa maklumat pembangunan industri berkaitan landskap. Menyediakan garis panduan, piawai untuk pembangunan industri landskap dan mengawasi perkembangan serta keperluan industri landskap.

- Pusat Perkampungan dan Pameran Industri Landskap (LIVE)
- Penerbitan Bahan Cetak
- Pameran Luar Negara
- Kajian Industri

3.3.1 IPM-Dubai 2008 (International Plants Expo – Middle East)

Merupakan expo perdagangan hortikultur peringkat antarabangsa berlangsung selama 3 hari bermula dari 4 hingga 6 Mac 2008 di Airport Expo Dubai, Dubai Emiriah Arab Bersatu. Penyertaan Jabatan Landskap Negara di pameran ini memainkan peranan penting dalam mempromosikan LAMAN 2008 dan juga secara tidak langsung turut mempromosikan Malaysia.



3.3.2 Pameran The 10th Hortifloorexpo China

The 10th Hortifloorexpo China merupakan expo perdagangan hortikultur peringkat antarabangsa berlangsung di Beijing, China. Penyertaan Jabatan Landskap Negara di pameran ini memainkan peranan penting dalam mempromosikan LAMAN 2008 dan juga secara tidak langsung turut mempromosikan Malaysia. Pameran **The 10th Hortifloorexpo China** ini juga menjadi platform mempromosikan LAMAN2008 kepada peserta-peserta pameran. Sesi perbincangan dengan syarikat-syarikat berkaitan turut diadakan.



3.3.3 Persidangan International Federation of Landscape Architecture ('45th IFLA World Congress')

'45th IFLA World Congress' yang diadakan di Orpheus Congress Centre, Apeldoorn, Netherlands dari 30 Jun hingga 3 Julai 2008. Tema persidangan pada tahun 2008 adalah 'Transforming With Water'. Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat Jabatan Landskap Negara, Puan Hajjah Rotina bt. Mohd. Daik telah membentangkan kertas kerja bertajuk '*Water in Malaysia Landscape Architecture*'. Pembentangan tersebut adalah untuk menerangkan kepentingan air dalam pembangunan dan perancangan landskap di Malaysia.



3.3.4 Persidangan “International Federation Of Parks & Recreation Administration (IFPRA) Asia Pacific 2008”

“International Federation Of Parks & Recreation Administration (IFPRA) Asia Pacific 2008” telah diadakan di Christchurch Convention Centre, Christchurch, New Zealand dari 15 - 18 September 2008. Tema persidangan tersebut adalah ‘*Making Connections – Make a Difference*’. Di dalam persidangan tersebut, Y. Bhg Dato’ Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara mewakili Malaysia sebagai Pengerusi Asia Pasifik bagi IFPRA dalam sesi penyerahan tugas kepada wakil negara New Zealand.

3.3.5 Kursus Landskap

Kursus Asas Landskap anjuran Felda dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada warga peneroka tentang landskap, sesuai dengan matlamat supaya setiap rancangan felda menjadi komuniti taman yang bersih, indah, ceria dan teratur. Sebanyak 3 sesi kursus ini telah diadakan iaitu di Negeri Terengganu, Perak dan Johor.



3.3.6 Pameran Hari Perancangan Bandar

Jabatan landskap Negara telah turut serta dalam mengadakan pameran sempena Hari Perancang Bandar Putrajaya pada 13-14 Feb 2008 di Perbadanan Putrajaya.



3.3.7 Pertandingan Fotografi Sempena Hari Habitat Sedunia 2008

Pertandingan Fotografi ini dianjurkan bersama oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Landskap Negara. Ia telah diadakan pada 25 Oktober 2008 bertempat di Jabatan Landskap Negara. Tema pertandingan ialah 'Harmonious Cities'. Pertandingan ini dibuka kepada semua warga negara Malaysia.



Mahogany
Swietenia macrophylla



*Penyelidikan &
Pemeliharaan*




4.0 Program Penyelidikan & Pemuliharaan merangkumi program berikut:

4.1 Penyelidikan Rekabentuk Landskap

Projek Penyelidikan Rekabentuk Landskap yang dirancang oleh Jabatan Landskap Negara adalah bertujuan untuk mewujudkan suatu rekabentuk yang landskap yang lebih teratur dan sistematik untuk dijadikan panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap. Antara projek penyelidikan rekabentuk landskap yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan adalah seperti:

4.1.1 Garis Panduan Landskap Negara (Edisi 2)



Merupakan semakan semula serta penambahbaikan keatas dari Buku Garis Panduan Landskap Negara terbitan tahun 1995 oleh Unit Landskap yang ketika itu di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). Bertujuan sebagai panduan atau asas rujukan pembangunan landskap yang merangkumi aspek bagi merancang, mengawal rekabentuk landskap, memantau pelaksanaan pembangunan dan selenggara landskap

4.1.2 Panduan Penanaman Pokok Teduhan



Buku Panduan Penanaman Pokok Teduhan ini perlu digunapakai bersama dengan buku **Garis Panduan Landskap Negara, Edisi 2 (GPLN 2) tahun 2008**.

Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 30 Mei 2007 telah membuat keputusan bahawa bagi menggalakkan orang ramai berjalan kaki sebagai gaya hidup sihat, pokok-pokok besar dan rendah hendaklah di tanam di sepanjang jalan terutamanya pokok hujan-hujan. Sehubungan dengan itu penanaman pokok teduhan perlu dilaksanakan di seluruh negara.

Penanaman pokok teduhan juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020

4.2 Penyelidikan Teknologi Landskap

Projek Penyelidikan Teknologi Landskap dilaksanakan bagi mewujudkan satu perkembangan teknologi pembangunan landskap yang sentiasa 'terkini' dan sesuai dengan keperluan dan isu semasa. Antara projek penyelidikan teknologi landskap yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan adalah seperti:

- Kajian manipulasi pembungaan pokok ameniti
- Kajian penanaman heliconia dan spesies berizom untuk tanaman landskap
- Kajian penghasilan jenis/varieti baru tanaman renek melalui kejuruteraan genetik.
- Garis panduan pemuliharaan kawasan bekas tapak pelupusan sisa pepejal sebagai taman awam.

4.3 Taman Botani

Pembangunan Taman Botani merupakan satu usaha Jabatan Landskap Negara bagi mewujudkan keseimbangan alam semulajadi dan persekitaran kehidupan. Taman Botani yang berfungsi sebagai muzium warisan tumbuhan hidup yang dapat memenuhi keperluan penyelidikan sains botani dan keperluan rekreasi pasif mampu menjadi aset warisan semulajadi kepada generasi Malaysia. Sehingga kini, Jabatan telah membangunkan sebuah Taman Botani iaitu Taman Botani Johor, dan dijangka tiga buah lagi Taman Botani akan dibangunkan sehingga akhir RMK10.

Taman Botani Johor

- Lokasi di timur Pekan Sri Medan, Jalan Utama Yong Peng- Sri Medan.
- Kawasan bekas lombong yang telah dirizabkan sebagai kawasan rekreasi.
- Keluasan keseluruhan lot PTD 8744 adalah 98 ha. & 48 ha. Taman Botani Johor.
- Pembangunan bermula tahun 2002 dengan tema koleksi tanaman nadir.
- Tahun 2006 – Pembelian Benih Pokok Nadir
- Tahun 2007 – Pemulihan Tebing, Pembangunan Tapak Semaian, Penanaman Pokok Nadir
- Tahun 2008 – Pembersihan Kolam Tanaman Akuatik, Pembinaan Jeti, Penanaman Pokok Nadir.
- Tahun 2009 – Pembinaan Sirkulasi Zon, Tanaman Akuatik, Penanaman Pokok Nadir



4.4 Pemuliharaan dan Pemulihan Landskap

Pemuliharaan Dan Pemulihan Landskap merupakan program baru Jabatan Landskap Negara yang diwujudkan dalam RMK9, bertujuan untuk memuliharaan dan memulihkan sumber landskap semulajadi demi kepentingan warisan Negara. Tumpuan program ini adalah projek pemuliharaan dan pemulihan landskap di empat sektor utama iaitu sektor landskap warisan, sektor kawasan sensitif alam sekitar, sektor tanah terganggu dan sektor pelancongan.

Terdapat 3 projek pemuliharaan yang telah dibangunkan pada tahun 2008 iaitu;



Pemuliharaan Kolum Air Panas Cerana Putih,
Alor Gajah, Melaka



Pemuliharaan Kawasan Bakau Tanjung Emas,
Muar, Johor



Pemulihan Kawasan Pantai Tambak, Port Dickson, Negeri Sembilan Fasa 2

4.4.1 Program Inventori Pokok Warisan

- Inventori Pokok Warisan Majlis Perbandaran Muar
- Inventori Pokok Warisan Majlis Perbandaran Pekan
- Inventori Pokok Warisan Majlis Perbandaran Seremban
- Inventori Pokok Warisan Majlis Bandaraya Melaka
- Inventori Pokok Warisan Majlis Bandaraya Kuching Utara

